

**SULIT**  
**3757/2**  
**EKONOMI**  
**ASAS**  
**KERTAS 2**  
**NOVEMBER**  
**2002**  
**2 JAM**

**3757/2**

**PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA**  
**SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA**  
**CAWANGAN TERENGGANU**  
**DENGAN KERJASAMA**  
**JABATAN PENDIDIKAN TERENGGANU**

**PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN 2002**

**TINGKATAN EMPAT**

---

---

**EKONOMI ASAS**

**KERTAS 2**

**Dua jam**

---

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

**Arahan**

- 1. Kertas soalan ini mengandungi 6 soalan.*
- 2. Jawab mana-mana 4 soalan.*

---

**Kertas soalan ini mengandungi 4 halaman bercetak**

Arahan : Kertas soalan ini mengandungi enam soalan. Jawab mana-mana empat soalan

- 1 a) Bezakan antara barang ekonomi dan barang awam (4 m)
- b) Jelaskan bagaimana unit- unit ekonomi menyelesaikan masalah kekurangan (13 m)
- c) Nyatakan perbezaan ciri-ciri Sistem Ekonomi Kapitalis dan perancangan pusat (8 m)
- 2 a)

**Situasi 1**

En. Hakim seorang guru, menerima gaji bulanan sebanyak RM 2000. Beliau mencarum 11% daripada pendapatan ke dalam KWSP. Beliau masih bujang.

**Situasi 2**

En. Amirullah seorang pengurus syarikat, menerima gaji RM 2000 sebulan. Beliau mempunyai seorang isteri yang tidak bekerja dan dua orang anak yang masih bersekolah. En. Amirullah membayar premium insuran nyawa sebanyak RM 50 sebulan dan beliau telah dimasukkan ke dalam skim pencen.

Pelepasan cukai yang dibenarkan oleh kerajaan adalah seperti berikut:

Diri	RM 8000
Isteri	RM 3000
Anak dibawah 18 tahun	RM 800

Kadar cukai yang dikenakan oleh kerajaan:

Bagi RM 10 000 pertama	RM 250
Bagi RM 10 000 berikut	8%

Berdasarkan situasi diatas :

- i). Hitungkan jumlah cukai pendapatan yang perlu dibayar oleh En. Hakim dan En. Amirullah dalam tahun tersebut. (12 m)
- ii). Mengapakah jumlah cukai pendapatan yang perlu oleh En. Hakim dan En. Amirullah berbeza ? (4 m)
- b). Terangkan faktor –faktor yang mempengaruhi individu memilih sesuatu pekerjaan. (9 m)

3 a) Maklumat berikut merupakan senarai pendapatan dan perbelanjaan bagi En. Adli pada satu bulan tertentu.

	RM	RM
Pendapatan Bulanan		1500
Bonus		200
Elaun		150
Sewa rumah	500	
Ansuran kereta	500	
Bil	100	
Hospital	50	
Makanan	400	
Wang saku	200	
Derma	50	

Akhbar dan majalah	50
Lain-lain	150
KWSP	150
Cukai pendapatan	50

Berdasarkan maklumat diatas :

- i Hitungkan pendapatan boleh guna En Adli dan terangkan keadaan perbelanjaannya. (5 m)
- ii Sediakan penyata anggaran belanjawan En Adli yang terancang untuk bulan seterusnya. (5 m)

b) Terangkan kesan apabila perbelanjaan individu melebihi pendapatannya. (6 m)

c)

Pinjaman dengan kadar faedah yang rendah  
Sila hubungi En Aslam  
No Tel : 09-6971252

Berdasarkan kenyataan di atas, terangkan sebab-sebab seseorang perlu meminjam? (9 m)

4 a) Apakah permintaan? (3 m)

b) Terangkan faktor-faktor yang mempengaruhi permintaan. (10 m)

c)

JENIS BARANG	% Perubahan Kuantiti Diminta	% Perubahan Harga
Barang X	3	6
Barang Y	4	4
Barang Z	5	3

JADUAL 1

Berdasarkan jadual 1, tentukan nilai dan terangkan keanjalan harga permintaan bagi setiap barang tersebut. (12 m)

5 a) Huraikan fungsi pengeluaran jangka pendek sesebuah firma. (9 m)

b) Berikut ialah kos yang terlibat dalam proses pengeluaran sesebuah firma.

Bahan mentah  
Upah buruh  
Sewa kedai  
Bayaran ansuran mesin

Berdasarkan maklumat diatas,

- (i) Tentukan jenis kosnya (2 m)
- (ii) Bezakan kos tersebut (4 m)

c)

Jumlah Keluaran (unit)	Jumlah kos (RM)	Kos Berubah (RM)	Kos Sut (RM)	Kos Purata (RM)
0	20	0	-	-
1	38	18		
2		28		24
3	63	43		21
4	88	68	25	
5		95	27	23
6		126	31	24.3
7	182	162		26
8	240	220	58	

Jadual Kos Pengeluaran Firma Nur Suria Snd. Bhd.

Lengkapkan jadual di atas dan terangkan hubungan antara jumlah keluaran, kos berubah dan kos sut.

(10 m)

6 a) Jadual dibawah menunjukkan permintaan dan penawaran sejenis barang:

Harga (RM)	Kuantiti permintaan (unit)		Kuantiti penawaran (unit)	
	Lukman	Irdina	Firma A	Firma B
3	10	5	2	6
4	8	4	5	7
5	6	3	8	8

(i) Hitungkan permintaan dan penawaran pasaran pada tiap-tiap harga yang dinyatakan. (6 m)

(ii) Di atas satu kertas graf, lukiskan keluk permintaan dan penawaran pasaran dan tentukan harga dan kuantiti keseimbangan. (6 m)

b)

..... Pengguna yang menggunakan segala keperluan hidup adalah juga orang yang ketika bekerja menjadi pembekal, sama ada pembekal barangan atau perkhidmatan .....

Berita Harian 15 Jun, 2002

Lukiskan dan terangkan rajah aliran dalam ekonomi dua sektor untuk menggambarkan keadaan yang dinyatakan dalam petikan akhbar diatas.

(13 m)